

**NO. SOALAN:550**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[LEMBAH PANTAI]**

**SOALAN :**

**YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan terperinci statistik kadar kemiskinan di Malaysia sekiranya menggunakan kadar kemiskinan relatif.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Malaysia menggunakan konsep kemiskinan mutlak, yang berdasarkan pendapatan, untuk mengukur kadar kemiskinan di Malaysia. Berdasarkan konsep ini, kadar kemiskinan di Malaysia telah berjaya dikurangkan daripada 3.8 peratus pada tahun 2009 kepada 1.0 peratus pada tahun 2014 (dapatkan awal Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) 2014). Di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah memperkenalkan konsep isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) sebagai pengukuran kemiskinan relatif. Kemiskinan relatif lebih menjurus kepada konsep perbandingan di mana tahap 'kemiskinan' seseorang adalah bergantung kepada tahap 'kemiskinan' orang lain. Berdasarkan dapatkan awal PPIR 2014, perbandingan di antara B40, isi rumah berpendapatan 40 peratus menengah (M40) dan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (T20) adalah seperti berikut:

Pendapatan Isi Rumah	2009			2014		
	B40	M40	T20	B40	M40	T20
Pendapatan Purata (RM)	1,847	4,573	12,159	2,312	5,662	14,293
Pendapatan Median (RM)	1,853	4,372	9,796	2,629	5,465	11,610

JUROS Ketaksamaan Pendapatan		
	2012	2013
B40:T20	1:6.58	1:6.18
B40:M40	1:2.48	1:2.45
M40:T20	1:2.66	1:2.52

Bagi terus memperkuatkan konsep pengukuran kemiskinan relatif di Malaysia, Kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) akan memperkenalkan konsep indeks kemiskinan pelbagai dimensi. Melalui konsep ini, kemiskinan akan dilihat dari aspek selain pendapatan seperti pendidikan, kesihatan dan keadaan tempat tinggal.

Sekian. Terima kasih.